

# Pendidikan Seksual dalam Menangani Permasalahan Seksual Mahasiswa di IPT: Satu Tinjauan Kaunseling

Hj Hushim b Salleh, Che Ruzana Bt. Che Din  
dan Rosni Bt. Kadir  
Jabatan Pedagogi Dan Psikologi Pendidikan,  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur  
btbmugc@streamyx.com

**Abstrak:** Proses pembangunan yang amat pesat yang berlaku di Malaysia telah mengundang nilai dan budaya barat yang tidak sihat meresap ke dalam masyarakat, terutamanya di kalangan remaja. Golongan remaja mula dipengaruhi oleh budaya yang tidak sihat seperti pergaulan bebas, bohsia, bohjan, hubungan seks sebelum nikah, kelahiran anak luar nikah, pengguguran haram, pelajar perempuan melacur diri dan permainan seks. Persoalannya di sini bagaimana mahasiswa-mahasiswai IPT yang sememangnya terbukti keintelektualannya darisegi akademik boleh terjerumus dalam permasalahan ini? Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat fenomena permasalahan seksual remaja terutama mahasiswa IPT darisegi sebab dan akibat, keperluan kepada pendidikan seks dan sejauh mana pendekatan kaunseling boleh diaplikasikan oleh kaunselor dalam menangani segala permasalahan ini.

**Katakunci:** Mahasiswa, permasalahan, seksual.

## PENDAHULUAN

Berdasarkan definisi daripada Encyclopedia Dictionary of Psychology (1992) pendidikan seksual merujuk kepada kursus formal tentang pengajaran pembiakan atau reproduktif yang diperkenalkan di bilik darjah atau di sekolah. Mohd. Amin (1996) menyatakan pendidikan seksual pada asasnya bertujuan untuk mengetahui diri sendiri dari aspek seksual dan membolehkan seseorang itu memahami apa yang berlaku pada dirinya sejak dilahirkan hingga dewasa.

Pendidikan seksual membabitkan penjelasan, bimbingan dan kaunseling mengenai pemahaman seksual serta penjagaan kesihatan organ reproduktif. Ia memberikan pengetahuan mengenai seksualiti diri sendiri. Ia juga menyentuh mengenai aspek tidak normal dan tingkah laku yang tidak diinginkan berhubung dengan seks dan bahaya atau penyakit-penyakit berkaitan (Noor Zainal 2000).

Sejak awal perkembangan psikologi, seks telah dipandang sebagai suatu kuasa dalaman yang utama dalam mengarah dan mempengaruhi gaya hidup seseorang. Ini dapat dikesan melalui penekanan Sigmunt Freud, pelopor psikologi dalam aliran psikoanalisis terhadap tenaga libido. Namun begitu sehingga kini seks masih merupakan suatu isu yang penuh dengan kontroversi dan sukar dibincangkan. Ini mungkin kerana norma-norma masyarakat timur telah diajar begitu.

Lebih menyedihkan apabila golongan cerdik pandai yang akan memimpin negara suatu hari nanti iaitu golongan mahasiswa juga terjebak dalam permasalahan ini. Seks di kalangan mahasiswa merupakan isu yang hangat diperkatakan hari ini sama ada di dada akhbar atau elektronik. Ia seolah-olah menggambarkan bahawa mahasiswa hari ini bukan sahaja bijak dalam mencari ilmu pengetahuan malahan bijak mencari keseronokan dunia. Seks seolah-olah kewajipan mereka walaupun tidak melalui perhubungan yang sah. Kertas kerja ini bertujuan untuk meneroka sejauhmanakah kepentingan pendidikan seksual untuk membentuk sahsiah mahasiswa.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Dalam era globalisasi dan teknologi yang kian berkembang dari sehari ke sehari, telah menarik sama golongan cerdik pandai iaitu golongan mahasiswa untuk terdedah kepada pelbagai bentuk maklumat yang diperolehi di seluruh dunia. Maklumat yang di perolehi dari bahan luhur, media cetak serta media elektronik kadang kala mempunyai nilai-nilai yang bertentangan dengan kebudayaan dan norma hidup masyarakat timur. Kejahilan dan kekurangan pengetahuan seks yang tepat adakalanya menyebabkan golongan remaja yang masih mentah ini mudah terjerat ke dalam pelbagai perangkap seks. Di sini jelas bahawa maklumat yang tepat tentang seksual harus diberikan supaya remaja-remaja ini tidak mempelajari pendidikan seksual dari sumber yang tidak tepat.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauhmana kepentingan pendidikan seksual dalam menangani permasalahan seksual mahasiswa IPT dan bagaimana kaunseling dapat membantu permasalahan ini. Dilihat daripada fenomena hari ini ramai lagi masyarakat kita yang menolak pengaplikasian pendidikan seksual ini semata-mata ianya bertentangan dengan norma kita masyarakat timur tanpa berfikir ke arah yang lebih positif.

Pengkaji berharap agar penulisan ini dapat membuka minda masyarakat bahawa pendidikan seksual itu perlu terhadap anak-anak walau pun pada dasarnya seseorang individu itu cerdik dari segi akademiknya tetapi ini tidak bererti cerdik dari segi mengawal kehendak naluri keseronokan contohnya seperti seksual. Pendidikan seksual memainkan peranan penting untuk menampung keperluan lahiriah dan batiniah anak-anak muda.

Keputusan kajian ini diharap dapat dijadikan panduan kepada pihak IPT, sekolah, ibu bapa, kaunselor, dan pihak-pihak yang berkenaan untuk menyediakan program pendidikan seks yang dapat menyalurkan maklumat yang tepat. Melalui pendidikan seks yang dijalankan, generasi muda akan dibekalkan dengan pengetahuan seksual yang lebih jelas bagi mengawal disiplin dan perlakuan seks individu bersesuaian dengan adat dan budaya masyarakat timur.

## **KAJIAN LEPAS**

Paradise dan rakan-rakannya (Remaja, September 2001) dari Universiti Boston, Amerika Syarikat telah mengkaji tentang faktor-faktor yang mempengaruhi gadis remaja melakukan hubungan seks. Keputusan sebanyak 30% mengaku alasan utama melakukan hubungan adalah kerana mereka ingin melakukannya. Daripada 197 orang remaja perempuan yang berusia 14 tahun ke atas hanya 40 orang sahaja yang mengaku mereka belum pernah melakukan hubungan seks manakala 25 orang lagi mengaku tidak perawan lagi namun tidak begitu aktif melakukan seks dan selebihnya mengaku kerap melakukan hubungan seks. Tiga alasan utama remaja yang tidak melakukan hubungan seks tersebut adalah 82% mengatakan belum bersedia, 69% ingin menunggu apabila mereka telah memasuki usia yang sepatutnya dan 67% ingin menunggu sehingga memasuki alam perkahwinan yang sah.

Paradise juga menyatakan larangan agama juga disebut sebagai alasan untuk mempertahankan dara. Namun peratusannya jauh lebih rendah daripada alasan-alasan lain. Remaja yang aktif melakukan seks mula menyatakan dua alasan utama iaitu 82% menyatakan keinginan itu lahir dari dalam diri sendiri kerana sifat kasih sayang terhadap pasangan dan 37% menagatakan mereka sememangnya gemar melakukan hubungan seks.

Kraff (1993) mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pengetahuan seks dengan tingkah laku seks. Daripada kajian beliau mendapati bahawa perempuan lebih banyak pengetahuan berkaitan dengan seks berbanding lelaki. Perancangan pendidikan, kekerapan perbincangan mengenai hubungan isu seks sesama rakan didapati mempunyai hubungan yang positif dengan tahap pengetahuan seks.

Mat Saat Baki (1985) mengatakan bahawa tujuan remaja melakukan tingkah laku yang keluar dari norma-norma masyarakat dan agama ini adalah untuk mendapatkan perhatian, menunjukkan kuasa dan membalas dendam terhadap ibu bapa mereka. Rosnah dan Abdul Halim (1998) telah menjalankan kajian ke atas 87 orang juvana lelaki dan perempuan yang menghuni di dua buah pusat juvana di sekitar kota Kinabalu, Sabah. Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau empat aspek tingkah laku psikososial remaja yang merangkumi hubungan kekeluargaan, persepsi, sikap dan amalan mengenai kesihatan reproduktif, perilaku seksual dan pendedahan kepada media massa. Keputusan kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan dari segi jantina bagi tingkah laku seperti menghisap rokok dan gam, 'dating' dengan teman istimewa, pergi ke disko, pernah mengadakan hubungan seksual, pengetahuan dan persepsi mengenai bohsia, lari dari rumah, cubaan membunuh diri, pengetahuan dan amalan kontraseptif dan seksualiti.

Laporan kajian mendapati lebih daripada 50% remaja pernah berbincang dengan rakan-rakan mengenai seks, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dalam permasalahan mereka. Sebanyak 64.4% remaja ini pernah membaca dan menonton gambar atau video lucah dan ingin mencuba selepas menontonnya. Aktiviti ini mungkin ada kaitan dengan perkembangan akil baligh dan kematangan seksual. Apabila telah baligh, hormon-hormon seksual remaja telah matang dan mereka memikirkan cara untuk memuaskan nafsu iaitu dengan menonton gambar dan video lucah. Terdapat hubungan yang jelas di antara pendedahan kepada media massa dengan aktiviti salah laku remaja.

Mohd Yusoff Ahmad (2000) menyatakan terdapat kajian menunjukkan remaja lelaki yang berumur 16 hingga 17 tahun lebih tertarik kepada bentuk badan (*body centered*) kaum wanita jika dibandingkan dengan remaja yang mempamerkan nilai moden menganggap apabila hubungan sudah stabil mereka sepatutnya melakukan hubungan jenis. Ini menunjukkan remaja lelaki lebih berminat dari segi seksual kemudian barulah ekspresi perasaan.

Kajian Khairudin Yusof, Etheridge, Woon dan Yeoh (1983) menguji pengetahuan seks dan sikap seksual dijalankan ke atas 3003 orang subjek yang terdiri daripada guru, pelajar, pegawai perkhidmatan awam, kerani, peniaga, pekerja mahir dan separuh mahir. Keputusan menunjukkan subjek mempunyai tahap pengetahuan seks yang terhad dan bersikap konservatif dalam perlakuan seks. Faktor etnik didapati membawa kepada perbezaan yang signifikan dalam tahap pengetahuan seks dan sikap terhadap perlakuan seks. Etnik Melayu secara relatifnya kekurangan pengetahuan seks berbanding etnik lain.

## **ISU BERBANGKIT MENGENAI PENDIDIKAN SEKSUAL: HUBUNGKAIT ANTARA PENDIDIKAN SEKSUAL DI BANGKU SEKOLAH DENGAN PERMASALAHAN SEKSUAL MAHASISWA**

Cadangan supaya pendidikan seks diperkenalkan sebagai salah satu mata pelajaran yang diajar di sekolah suatu masa dahulu telah mendapat reaksi yang pelbagai. Ada pihak yang menyokong dan menyetujui rancangan tersebut. Tidak kurang juga yang menentang kerana beranggapan pendidikan seks tidak sesuai diajar kepada pelajar-pelajar sekolah. Beberapa faktor yang menyumbang kepada isu untuk menjadikan pendidikan seks sebagai satu mata pelajaran di dalam kurikulum pendidikan Malaysia adalah seperti berikut:

### **- REAKSI POSITIF-**

#### **1. Kadar pengidap AIDS dan kematian disebabkan AIDS terus meningkat.**

Pendidikan seks perlu dijadikan sebahagian daripada mata pelajaran di sekolah antara lain bertujuan memupuk kesedaran mengenai cara mengelak, menangani serta menghadapi masalah daripada jangkitan HIV dan AIDS. Kes pertama HIV dikesan di negara ini pada 1986. Sehingga akhir tahun 1999, 33 233 kes jangkitan HIV dan 3 555 kes AIDS telah dikesan. Manakala 2685 kematian dicatatkan sejak HIV dikesan. Jumlah ini bukanlah angka sebenar memandangkan masih terdapat banyak lagi kes jangkitan HIV yang dikesan tidak dilaporkan.

Statistik HIV/AIDS yang dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan menunjukkan lebih 36 peratus mereka yang dijangkiti HIV terdiri daripada remaja dan belia yang di bawah 29 tahun. Jangkitan HIV sebenarnya berkait rapat dengan tingkah laku dan cara hidup individu. Statistik di atas menunjukkan 75.8 peratus jangkitan HIV berlaku di kalangan penagih dadah dan 16.7 peratus melalui hubungan seks. 80 peratus dari jumlah pembawa HIV di Malaysia, adalah belia berumur 20 hingga 39 tahun.

Kementerian Kesihatan juga berpendapat cara yang paling berkesan untuk membendung merebaknya virus AIDS ialah menerusi penyebaran maklumat di institusi pendidikan, sebab itu sekolah menjadi sasaran utama kempen anti-AIDS. Pengkaji merasakan permasalahan seksual mahasiswa ini tidak akan berlaku sekiranya mereka telah didedahkan dengan pendidikan seksual di bangku sekolah.

#### **2. Meningkatkan salah laku seks di kalangan remaja.**

Perbuatan jenayah dan salah laku seks di kalangan remaja adalah antara gejala kemerosotan akhlak yang membimbangkan. Lembaga Pendudukan dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Persatuan Perancang Keluarga Malaysia telah menjalankan Kajian Nasional pada tahun 1996. Kajian ini berkaitan dengan kesihatan reproduktif dan seksualiti remaja. Statistik yang diperolehi daripada kajian itu mendapati 24 peratus remaja yang berumur antara 13 hingga 19 tahun telah melakukan zina. Selain dari itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menunjukkan wujudnya satu pola perkembangan terhadap fenomena kenakalan juvana dalam tempoh 30 tahun kebelakangan di negara ini. Antara yang dikenalpasti dari jumlah 1 526 wanita

dan gadis yang telah diselamatkan dari tempat maksiat, 76.3 peratus adalah berusia di bawah 18 tahun.

Fenomena yang membimbangkan ini telah mendorong Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mencadangkan mata pelajaran pendidikan seksual diperkenalkan di sekolah menengah, walau pun belum ada kajian yang membuktikan bahawa ketiadaan pendidikan seks sebagai satu mata pelajaran atau kegiatan ko kurikulum adalah faktor yang menyebabkan meningkatnya penyelewengan seks di kalangan remaja.

### **3. Meningkatnya kadar keganasan seks.**

Jumlah mangsa rogol semakin bertambah dari setahun ke setahun sehingga menjadi 1 005 orang pada tahun 1995. Seramai 401 mangsa merupakan remaja berusia di bawah 16 tahun manakala 601 orang mangsa merupakan mereka yang berumur lebih dari 16 tahun. Pertambahan kes rogol ini menunjukkan bahawa kebanyakan mereka ini tidak mengetahui teknik-teknik keselamatan diri atau pun pengetahuan mengenai pendidikan seksual yang cetek terutamanya golongan remaja bawah umur 16 tahun.

Kebanyakan kes rogol di negara ini membabitkan teman lelaki mangsa sendiri dan juga di atas kerelaan mangsa. Laporan polis dibuat mendakwa mangsa dirogol dan apabila mangsa disahkan mengandungi teman lelaki enggan bertanggungjawab. Berdasarkan laporan polis menunjukkan kes rogol kebanyakannya melibatkan orang yang rapat dengan mangsa antaranya teman lelaki, jiran, bapa kandung, bapa tiri, bapa saudara dan datuk.

Keadaan ini menunjukkan bahawa tingkah laku seks sama ada secara sengaja atau tidak telah mencapai tahap mencemaskan. Justeru itu usaha mencegah perlulah dilakukan supaya generasi muda kita tidak terus tenggelam dalam gejala keruntuhan akhlak dan merugikan diri sendiri serta negara secara umumnya. Pendidikan seksual perlu supaya golongan remaja tahu cara melindungi diri mereka daripada menjadi mangsa nafsu serakah manusia yang tidak bertanggungjawab.

## **- REAKSI NEGATIF-**

### **1. Membebaskan pelajar.**

Pada masa sekarang bilangan mata pelajaran yang diikuti oleh pelajar sememangnya dah sedia banyak. Sekiranya pendidikan seksual dijadikan sebagai satu mata pelajaran yang wajib dipelajari, ianya akan membebaskan pelajar. Pendidikan seksual yang dijalankan sekarang iaitu disepadukan dengan mata pelajaran lain seperti agama, pengajian moral dan sains harus dikekalkan. Kementerian Pelajaran hanya perlu menjalankan kajian semula tentang pelaksanaan kurikulum tersebut. Tindakan yang perlu mungkin boleh diambil untuk memperkemas dari segi perlaksanaannya. Pemantauan terhadap pelaksanaan perlu dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan objektif dan matlamat kurikulum pendidikan seksual itu tercapai.

## **2. Tanggung jawab ibu bapa.**

Ibu bapa lebih layak menyampaikan maklumat tersebut kepada anak-anak mereka. Ianya lebih natural dan semulajadi serta mungkin anak-anak remaja lebih seronok mendengar dari ibu bapa sendiri. Keputusan kajian Yap (1998) menyatakan bahawa kedua-dua ibu bapa dan anak mempunyai sikap yang positif terhadap perbincangan mengenai seks. Selain daripada itu, keputusan ujian juga menyatakan bahawa ibu bapa mempunyai tahap keselesaan yang lebih tinggi semasa membincangkan tajuk dan isu seksual dengan anak selepas menghadiri program komunikasi keluarga. Ini menggambarkan bahawa kedua ibu bapa terlibat dalam perbincangan isu seksual dengan anak mereka.

## **3. Menimbulkan kesan buruk.**

Mata pelajaran pendidikan seksual bukan penyelesaian masalah gejala sosial, malah boleh menyubur dan menambah masalah sosial di kalangan remaja. Ini kerana apabila mereka disogokkan dengan mata pelajaran tersebut, remaja lebih cenderung menggunakan daya imaginasi untuk menyelami dunia seks sebenar. Ia akan mengundang bahaya yang lebih besar kerana peringkat umur remaja, adalah peringkat proaktif, iaitu mahu mencuba.

## **4. Sikap masyarakat.**

Kajian oleh ahli sosiologi mendapati bahawa kejahilan dan sikap tertutup sebuah masyarakat terhadap seks merupakan di antara sebab berlakunya hubungan sumbang muhrum, seks liar, serangan seksual, dan kelahiran anak luar nikah. Kurangnya pengetahuan tentang seks menyebabkan mereka melakukan perbuatan tercela itu kerana tidak dapat membezakan mana yang baik dan mana yang buruk.

Masyarakat menganggap apabila sampai masanya anak-anak akan tahu sendiri. Tetapi kita alpa akan kemajuan negara yang mendewasakan mereka sebelum waktunya. Remaja sentiasa ingin tahu dan ingin mencuba. Jika tidak diberi maklumat betul, mereka akan berusaha untuk mendapatkan maklumat tersebut dengan cara lain. Dalam dunia sekarang, banyak anasir negatif hanya menunggu masa untuk mengambil kesempatan terhadap remaja yang jahil mengenai seks.

Sukatan pelajaran pendidikan seks perlu diperjelaskan kepada masyarakat terutama sekali golongan ibu bapa demi untuk menghapuskan pandangan prejudis masyarakat terhadap pendidikan seks. Dengan penjelasan yang terperinci boleh menghindarkan pandangan negatif masyarakat terhadap pendidikan seks dan seterusnya masyarakat akan turut bertanggungjawab ke atas setiap masalah yang timbul akibat dari perlaksanaannya.

## **KEPENTINGAN PENDIDIKAN SEKS**

### **1. Mendapat pemahaman yang tepat dengan cara didikan yang betul.**

Menurut kajian Chiam Heng Keng, majoriti daripada remaja pada masa kini mempunyai idea yang kabur tentang perkembangan jasmani diri mereka sendiri. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Khairuddin Yusof yang mendapati bahawa hampir 63 peratus daripada subjek kajiannya mempunyai pengetahuan yang salah mengenai salah

satu aspek pusingan haid. Hal ini mungkin berpunca daripada sumber maklumat yang salah kerana menurut Che Mahzan (1990) secara umumnya para remaja mencari maklumat tentang seks daripada sumber-sumber bukan peribadi seperti buku, majalah, filem dan sebagainya.

Rasa ingin tahu, ingin merasa dan meniru sememangnya begitu mendalam pada usia remaja mungkin akan disalahgunakan akibat penyebaran cerita-cerita yang banyak merosakkan jiwa remaja. Walau pun semua remaja dari pelbagai agama mengetahui bahawa agama melarang hubungan seks sebelum kahwin, namun apa yang ditakutkan dengan pengetahuan yang kabur ini mereka akan cuba untuk mempraktikkannya. Kita juga tidak dapat menolak kemungkinan bahawa, terdapat sesetengah sumber yang kurang bertanggungjawab dan kadang-kala memeralatkan seks sebagai objek dagangan.

Dalam pada itu, para remaja pada masa kini lebih menurut kehendak rakan sebaya daripada ibu bapa. Sekiranya mereka tidak mendapat penerangan daripada ibu bapa, maka para remaja lebih suka berbincang hal-hal yang berkaitan dengan seks bersama rakan sebaya. Ini tentu sekali akan menimbulkan kesan yang amat serius. Ini adalah kerana rakan sebaya merupakan golongan yang masih belum matang dari segi pemikiran mereka. Oleh yang demikian, maklumat mengenai seks yang diberi oleh mereka itu mungkin salah jika dibandingkan dengan maklumat yang disampaikan oleh golongan dewasa seperti ibu bapa atau guru-guru di sekolah yang lebih berpengalaman dan matang.

## **2. Faktor ibu bapa.**

Ibu bapa merupakan orang yang terdekat dengan anak-anak. Sejak mereka dilahirkan, ibu bapalah yang bertanggungjawab untuk membesarkan dan mendidik anak mereka. Sepanjang pertumbuhan mental dan fizikal anak, mereka menjadikan ibu bapa sebagai teladan dalam mempelajari cara percakapannya, cara bertingkah laku, cara berfikir, nilai yang dipegang dan sebagainya. Berdasarkan keadaan ini, ibu bapa secara tidak langsung menjadi pendidik yang asas bagi anak mereka. Ibu bapa bertanggungjawab untuk menjelaskan perkara-perkara tentang seks kepada anak-anak mereka.

Malangnya mungkin ada di antara ibu bapa tidak mampu untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut. Beberapa kajian yang dijalankan mendapati bahawa ibu bapa tidak rela dan tidak dapat mengemukakan informasi yang berkaitan dengan seks kepada anak mereka dengan berkesan (Alexander 1984; Bloch 1979). Beberapa faktor yang menyebabkan ibu bapa gagal melaksanakan tanggungjawab tersebut adalah seperti berikut:

### **a. Ibu bapa tidak bersedia.**

Ibu bapa tidak bersedia berbincang mengenai seks secara terbuka dengan anak-anak menyebabkan mereka sering menangguhkan dan mengelak dari perbincangan (Bennet & Dickinson 1980). Keengganan ini menyebabkan anak-anak tertanya-tanya. Tambahan pula sikap remaja sentiasa ingin tahu dan ingin mencuba. Ini mendorong mereka untuk mendapatkan maklumat daripada rakan, pembacaan atau menonton video lucah secara sembunyi tanpa pengetahuan ibu bapa.

Ramai ibu bapa beranggapan pendidikan seks terlalu peribadi dan mereka tidak sanggup membincangkannya dengan anak remaja mereka. Ibu bapa tidak sanggup menjawab pertanyaan 'bukan-bukan' yang mungkin datang daripada anak mereka itu. Namun demikian hasil kajian Yap (1998) menunjukkan bahawa ibu bapa mempunyai sikap yang positif pendidikan seks. Ibu bapa mengakui bahawa anak-anak mereka harus didedahkan kepada pengetahuan dan maklumat seks yang jelas untuk menjamin keselamatan anak masing-masing. Ibu bapa juga menyokong pengenalan pendidikan seks di sekolah kerana mereka lebih suka orang lain untuk menyampaikan maklumat seks kepada anak mereka.

**b. Ibu bapa kurang pengetahuan.**

Tidak boleh dinafikan juga bahawa ibu bapa tidak mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai pendidikan seks. Pengetahuan mereka mungkin hanya sekadar mengenai haid, bagaimana menghadapi dan menguruskannya. Ada kemungkinan ibu bapa sendiri tidak tahu tentang proses terjadinya manusia, proses kehamilan, kelahiran dan penyakit-penyakit yang disebabkan oleh aktiviti seks. Dengan kekurangan pengetahuan ini adalah sukar bagi ibu bapa untuk memberikan penjelasan yang tepat kepada anak-anak mereka. Ibu bapa yang mempunyai pengetahuan mungkin menghadapi masalah bagaimana cara yang terbaik untuk menyampaikannya kepada anak-anak mereka. Oleh itu masalahnya sekarang, apakah kaedah yang terbaik yang boleh digunakan supaya anak-anak mereka faham tentang apa yang disampaikan.

**c. Ibu bapa sibuk.**

Tuntutan kehidupan semasa yang mementingkan status dan material menyebabkan ibu bapa lebih mementingkan kerjaya daripada keluarga sendiri. Urusan pejabat dan aktiviti sosial kadang kala mendapat perhatian lebih di kalangan ibu bapa. Ini menyebabkan mereka selalu pulang lewat dan mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak. Fenomena ini menyebabkan anak-anak merasa tersisih dan beranggapan ibu bapa tidak menyayangi mereka dan seterusnya boleh merenggangkan hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak. Renggangnya hubungan ini menyebabkan anak-anak remaja merasa malu dan kurang selesa untuk berkongsi masalah dengan ibu bapa mereka terutama sekali yang berkaitan dengan seks. Sebaliknya mereka tidak berasa malu atau kurang selesa untuk mengadu dengan teman sebaya mereka.

Melalui pendidikan seks di sekolah anak-anak remaja bukan sahaja boleh mendapat maklumat yang betul tentang seks, malahan juga sekiranya anak-anak remaja ini menghadapi masalah yang berkaitan dengan seks, mereka boleh merujuk kepada guru yang mengajar mereka. Ini mungkin boleh meringankan beban yang dihadapi oleh anak-anak remaja kerana mereka merasakan ada tempat untuk mengadu sekiranya mereka menghadapi masalah.

**3. Sikap remaja.**



Ada di kalangan remaja merasa malu atau takut untuk bertanya hal-hal seperti itu kepada ibu bapa mereka. Mereka merasakan ibu bapa mereka mengelak, tidak menggalakkan dan menghapuskan sifat ingin tahu mereka mengenai hal-hal seksual. Oleh itu mereka berpendapat adalah lebih baik mereka tidak menimbulkan perkara itu sama sekali dengan ibu bapa.

Kajian Nasional Mengenai Kesihatan Reproduktif dan Seksualiti Remaja di Malaysia menyebutkan peranan ibu dan teman ternyata penting semasa remaja mengalami masalah baligh dengan lebih 40 peratus remaja berbincang dengan ibu dan lebih 37 peratus remaja berbincang dengan teman mereka. Ini menunjukkan fungsi ibu dan rakan sebaya sama penting. Perbandingan yang dilakukan di antara remaja lelaki dan perempuan mendapati 50 peratus remaja perempuan memilih ibu untuk berbincang masalah seksualiti dan 53 peratus remaja lelaki suka berbincang dengan teman mereka. Hampir semua remaja tidak berbincang masalah seksualiti dengan bapa mereka.

#### **4. Pelajar lebih yakin.**

Dengan pengetahuan yang diperolehi secara formal, pelajar lebih berkeyakinan membincangkan isu seks dan mengadu masalah yang mereka hadapi dan berusaha mencari penyelesaiannya. Dalam pada itu, mereka juga diandaikan tidak mudah terpengaruh dan terbabit dengan kegiatan maksiat.

#### **5. Institusi pendidikan paling sesuai.**

Institusi pendidikan amat sesuai melaksanakan pendidikan seks dari perspektif pembangunan manusia. Jika pendidikan seksual dapat dilaksanakan dengan bijaksana, ia boleh memberi sumbangan yang positif kepada matlamat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, rohani, intelek dan emosi seperti yang termaktub di dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Proses pendidikan yang bersepadu dan berterusan merangsang remaja mengenalpasti dan membezakan nilai murni kemanusiaan dan kehidupan dengan lebih rasional dan mampu menghayati nilai ini dengan bijaksana dan berhemah, khususnya berkaitan dengan seks. Bukan jua mustahil bahawa melalui pengajaran dan pembelajaran terancang, kefahaman seks dapat diterapkan untuk meningkatkan keprihatinan remaja terhadap gejala negatif seks. Keputusan kajian Paul (1974) menunjukkan bahawa para pelajar, ibu bapa dan guru bersetuju pendidikan seks diadakan di sekolah. Golongan ibu bapa menunjukkan peratus persetujuan yang tertinggi (97%) berbanding dengan guru (96%) dan pelajar (93%).

### **FAKTOR MAHASISWA TERJEBAK DALAM PERMASALAHAN SEKSUAL**

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan mahasiswa boleh terjebak dalam masalah seksual ini. Faktor yang pertama adalah tidak dapat didikan agama yang secukupnya daripada ibu bapa. Ini dapat dilihat pada hari ini apabila ibu bapa hanya sibuk untuk melengkapkan keperluan anak-anak dengan keperluan fizikal tetapi seakan-akan terlupa untuk melengkapkan anak-anak dengan pegangan agama yang akan menjadi benteng ke arah perkara yang tidak bermoral.

Faktor kedua pula ialah keinginan kepada seks dan perasaan ingin mencuba. Ini terjadi apabila anak-anak ini tidak dibekalkan dengan pengetahuan yang sewajarnya mengenai pendidikan seksual supaya anak-anak tidak mencari ilmu di tempat atau dari sumber yang tidak betul. Ini ditambah lagi apabila dilihat daripada gaya hidup mahasiswa yang hidup bebas tanpa dikawal oleh ibu bapa. Jadi ini bergantung pada pegangan remaja itu sendiri dalam menentukan yang baik dan buruk sesuatu perkara itu.

Pengaruh rakan juga merupakan faktor seseorang mahasiswa itu boleh terjebak dalam masalah seksual. Ini terjadi apabila dilihat daripada situasi hari ini percintaan itu dianggap perkara yang wajib dalam kehidupan mahasiswa. Sehingga ada pendapat yang mengatakan salah satu matlamat memasuki IPT adalah ingin mencari jodoh. Situasi ini tidaklah menjadi masalah sekiranya mahasiswa itu dapat menjaga batas-batas agama tetapi apa yang berlaku di kebanyakan IPT sekarang adalah sebaliknya.

Faktor seterusnya adalah media massa. Hari ini media massa sudah tidak ada tapisan dari segi maklumat yang diberikan. Apa yang dipentingkan hanyalah dari segi keuntungan tanpa memikirkan apa kesan negatif yang akan diperolehi oleh anak bangsa kita suatu hari nanti.

Perkembangan teknologi seperti kecanggihan bidang perubatan dengan penggunaan kondom, pengguguran, pil-pil khayal dan lain-lain juga merupakan faktor yang menyebabkan mahasiswa boleh terjebak dalam permasalahan seksual ini.

## **KESAN PERMASALAHAN SEKSUAL TERHADAP MAHASISWA**

Kesan yang paling ketara yang akan diperolehi adalah ke atas diri sendiri iaitu seseorang itu sentiasa akan dibayangi rasa bersalah sekiranya kesilapan yang berlaku akibat keterlanjuran. Sudah tiada lagi maruah diri dan akibatnya akan dipulaukan oleh kawan-kawan, keluarga, masyarakat apabila ianya diketahui ramai iaitu apabila seseorang mangsa itu mengandung. Kesan ini selalunya akan membawa impak yang lebih besar iaitu gejala pembuangan bayi dan peratusan untuk menghidap penyakit kelamin seperti herpes, sifilis, dan AIDS adalah tinggi. Apa yang menyedihkan mahasiswa ini pasti akan dibuang IPT jika didapati hamil luar nikah.

Kesan seterusnya adalah ke atas keluarga. Keluarga terutama ibu bapa pasti akan merasa malu atas perbuatan anak-anak dan ini mungkin akan membawa implikasi negatif seperti dipulaukan oleh masyarakat. Masyarakat mungkin akan mengangggap ibu bapa yang anaknya mengandung luar nikah sebagai tidak pandai mengajar anak. Ibu bapa yang tidak dapat menahan tohmahan dan cacian mungkin bertindak secara tidak waras spt membunuh diri seterusnya keluarga akan menjadi porak peranda.

Kesan seterusnya adalah terhadap Institut Pengajian Tinggi itu sendiri tidak kiralah swasta mahupun kerajaan. Masyarakat pasti akan memandang serong terhadap semua mahasiswa disebabkan segelintir mahasiswa yang melakukan perkara yang tidak bermoral tersebut. Ini akan membawa satu kerugian yang besar terhadap negara kerana dapat melahirkan individu yang berkualiti dari segi akademik tetapi gagal dalam membentuk sahsiah diri.

## **PENDEKATAN KAUNSELING**

Apabila membincangkan tentang pendekatan kaunseling ke atas permasalahan seksual mahasiswa, kaunselor boleh menggunakan teori modifikasi tingkah laku. Kaunselor hendaklah membawa klien untuk memikirkan kesan tindakannya sekiranya mereka melakukan seks bebas. Contohnya seseorang itu boleh seronok tapi apa akibatnya pada masa akan datang. Kaunselor juga harus mengubah persepsi klien tentang perlakuan mereka barulah perubahan tingkah laku dapat dilakukan. Kaunselor juga perlu turun padang untuk melihat sendiri keadaan mahasiswa yang terlibat.

Selain daripada teori modifikasi tingkah laku teori modeling oleh Albert Bandura juga boleh digunakan. Remaja selalunya akan belajar melalui pemerhatian jadi keluarga dan masyarakat boleh menjadi contoh oleh remaja. Keluarga menjadi contoh kepada anak-anak dan ibu bapa boleh memberi pendedahan awal kepada anak-anak kerana seperti yang kita ketahui bahawa pendidikan awal bermula di rumah serta anak-anak lebih banyak belajar melalui pemerhatian. Jadi sekiranya contoh yang diberikan tidak baik, anak-anak secara automatik akan meniru kelakuan tersebut.

Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson iaitu (Identiti vs Kecelaruan Identiti) juga boleh digunakan untuk menghurai tentang permasalahan yang berkaitan dengan seks ini. Jelaslah bahawa remaja sebenarnya keliru dengan identiti mereka. Mereka juga inginkan kebebasan dan difahami serta diambil berat oleh orang yang tersayang terutama sekali keluarga. Jika dilihat daripada kes yang telah kami kaji punca utama remaja mendekati seks apabila tidak mendapat kasih sayang daripada keluarga. Apabila tidak mendapat perhatian daripada keluarga maka mereka mencari keseronokan bersama kawan-kawan di luar.

Pendekatan kaunseling mengikut perspektif Islam juga ada menguraikan mengenai isu ini. Apabila dikaji daripada kebanyakan kes yang ditemui dapat dilihat bahawa remaja yang terlibat hampir keseluruhannya tidak mempunyai pengisian rohani dalam jiwa mereka. Jadi adalah satu langkah yang boleh dilakukan ialah dengan menekankan tentang hukum-hakam, pahala, dosa kepada anak-anak sejak kecil lagi supaya ianya difahami dan menjadi sebatik dalam diri mereka. Janganlah apabila anak-anak sudah dewasa barulah ingin ditekan dengan agama kerana ianya adalah sukar bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungunya. Semua pihak haruslah bekerjasama untuk membimbing remaja ini ke arah pembentukan sahsiah diri yang baik.

### **1. Agama Islam (Al-Qur'an)**

- “*Jangan campakkan diri-diri kamu kepada kebinasaan*” ( al-Baqarah: 195 )
- “*Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk*” ( Surah Isra' :ayat 32 )

### **2. Agama Kristian**

- “*Do you know your body is the temple of the Holy Sprit within you who is in you since you received Him from God*”

- *“Badan kamu adalah rumah Roh kudus yang telah berada dalam diri kamu sejak kamu menerimanya sebagai tuhan” (1 Cor: 6 : 9)*
- *“Do you know people who do wrong will not inherit Kingdom of God:people of immord lives, idolaters, adulterers, catamites, sodomites, thieves, userers, drunkard, alanderers & swindlers, will never inherit the Kingdom of God” (1 Cor: 6: 3)*
- *“Adakah anda tidak tahu bahawa mereka yang membuat salah tidak akan mewarisi dunia Tuhan: Mereka yang tidak bermoral, penyembah berhala, menduakan suami, katamites. Sodomites, userer, pemabuk. Slanderer dan penipu tidak akan mewarisi dunia Tuhan”*

Pendekatan seterusnya yang boleh digunakan ialah teori **Rational Emotive Therapy** (RET). Asas RET ialah perasaan manusia dipengaruhi oleh pandangan ke atas sesuatu perkara. Manusia boleh bersifat rasional dan tidak rasional. Cth : bila pelajar tu kata ‘*syoknye buat tu pegang2, urut-urut.*’ Kaunselor boleh negatifkan benda yang syok jadi tak syok dengan kata benda tu kotor dan jijik. Oleh itu, kaunselor dapat meminimalkannya.

Teori psikoanalisis juga boleh digunakan iaitu membentuk semula ciri dengan cara menjadikan pengalaman di alam tidak sedar supaya disadari, menguatkan ego supaya tingkah laku lebih berlandaskan realiti bukan desakan naluri. Teknik yang boleh digunakan ialah teknik perkaitan bebas (membuka pintu alam tak sedar bagi meneroka kehendak, konflik, fantasi). Interpretasi agar ego mengimbangi antara kehendak desakan id dan superego.

Apabila berhadapan dengan klien ini kaunselor haruslah mendekati klien ini supaya perhubungan yang baik dapat dilaksanakan dan klien ada rasa percaya kepada kaunselor. Kaunselor juga harus mengetahui latar belakang individu bermasalah agar lebih memahami dirinya dan kaunselor boleh bawa klien kepada situasi lain terlebih dahulu agar klien bersedia untuk bercerita. Ini kerana klien ini terlalu sensitif dengan hal-hal peribadi jika diteroka awalnya. Menggunakan pendekatan agama dan moral iaitu dengan membuat perbandingan antara kemudaratan atau lebih kepada manfaat. Kaunselor juga haruslah meneroka hal-hal luaran secara mendalam. Lebih kepada penggunaan teknik dan kemahiran (guna teori tingkah laku, RET). Terap sikap arsetif dalam diri klien (tak mahu...Tak nak)

Teori keluarga Bowen juga boleh digunakan oleh kaunselor iaitu “ I-Position” yang bertujuan untuk mendapatkan feedback yg berkesan dalam keluarga – ayah,ibu & anak dan apabila wujud masalah seperti anak gadis melakukan seks haram pelbagai tuduhan dibuat. Langkah positif yang boleh kaunselor lakukan dengan menyedarkan pada diri klien sendiri dan jangan salahkan orang lain terhadap masalah yang berlaku. Ini membolehkan klien berfikir, sedar akan kelemahan diri sendiri & mengambil iktibar daripada apa yang berlaku.

## **KESIMPULAN**

Pendidikan seksual adalah perlu didedahkan kepada golongan remaja sejak di bangku sekolah supaya mereka tidak mendapatkan maklumat tentang naluri seksual daripada sumber yang salah dan jangan menganggap bahawa remaja yang cemerlang dalam bidang akademik juga akan cemerlang dalam pembentukan sahsiah. Golongan mahasiswa juga tidak terlepas daripada

gejala yang tidak bermoral ini kerana kurang yang ilmu pengetahuan dan masyarakat haruslah membuka minda dan tidak hanya berfikiran konservatif kerana apa yang berlaku pada hari ini golongan remaja matang sebelum sampai masanya disebabkan oleh pengaruh persekitaran yang banyak menekan.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Amin Mohd Sulaiman, 1995. *Seksualiti dan Kaunseling*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Barbach, Lonnie. ( 1982). *For each other: Sharing sexual intimacy*. Garden City, NY: Doubleday.
- Crow, L.D & Crow,.(1965). *Psikologi pendidikan untuk perguruan*. Terjemahan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur
- Hanafi Mohamed, 1994. *Kefahaman dan Pendidikan Seks dalam Islam*. Dinie Publishers. Kuala Lumpur.
- Khairudin Yusof, Etheridge, A.,Woon T. H., Yeoh , K.L. (1983). *Human Sexuality – A Malaysian study*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Othman Mohamed (2000). *Prinsip Psikoterapi dan pengurusan dalam kaunseling*. Serdang, Selangor : Penerbit UPM
- Ramlan Abdul Wahab. ( 2002, Mac). *Menilai Implikasi Pendidikan Seks Di Sekolah*. Dewan Masyarakat, halaman 42-45.
- Rogers R.S. 1974. *Sex Education: Rationale and Reaction*. University of Reading. Cambridge University Press.
- Rosnah Ismail & Abdul Halim ( 1998 ). *Tingkhilaku Psikoseksual Remaja : Kajian di dua buah pusat juvana di Sabah*. Jurnal PERKAMA, 7:1-11.
- Yusri Mohamad,(2004, Januari 31). *Dimensi Terabai Dalam Jenayah Seks*. MASSA, halaman 23-24.
- Yahaya Mahamood & Chan Boon Tee ( 1989). *Sikap dan pengetahuan seks: Satu tinjauan terhadap pelajar institusi pengajian tinggi*. Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia